

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

21. Memandangkan Klinik Kesihatan Sungai Dua menerima jumlah pengunjung yang ramai hampir 200 orang sehari.
- (a) Adakah Klinik Kesihatan ini akan dinaiktaraf kepada Poliklinik?
 - (b) Apakah status untuk membina laluan akses yang bersesuaian untuk kenderaan keluar dan masuk?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. (a) Klinik Kesihatan Sungai Dua (TL) pada asalnya telah dibina sebagai Klinik Kesihatan Jenis 3 bagi menampung 300 – 500 pesakit sehari. Pada tahun 2019, purata kedatangan harian adalah 895 pesakit yang merupakan beban kerja untuk Klinik Kesihatan Jenis 1. Beberapa projek pembangunan telah dijalankan bagi menampung pertambahan bilangan pesakit harian seiring dengan pertambahan perkhidmatan yang disediakan. Antara projek naiktaraf yang telah dilaksanakan untuk beberapa tahun kebelakangan ini adalah:
- (i) Tahun 2017: Kerja-kerja Pendawaian Semula Untuk Penghawa Dingin dan Lampu jenis *Downlight*.
 - (ii) Tahun 2018: Kerja-kerja Menaiktaraf kuarters sedia ada sebagai Unit Rehabilitasi dan Metadon, Menyediakan *On Site Detention* termasuk lain-lain kerja berkaitan dan kerja-kerja menaiktaraf ruang menunggu, pemasangan *awning*, dan menaiktaraf

sistem PABX sedia ada termasuk kerja-kerja berkaitan.

- (iii) Tahun 2019: Kerja-kerja pembaikan bumbung dan kerja-kerja pembaikan dan pemasangan sistem pendawaian semula di Unit X Ray.
- (iv) Tahun 2020: Kerja-kerja pendawaian semula Klinik (OPD) serta kerja-kerja berkaitan

Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut memang bercadang untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan Sungai Dua (TL) kepada Klinik Kesihatan Jenis 1 sesuai dengan kedatangan harian seramai lebih 800 pesakit sehari namun masalah utama yang dihadapi adalah tiada tapak yang sesuai di kawasan klinik sedia ada untuk projek naiktaraf dan tiada tanah milik Kementerian Kesihatan Malaysia di kawasan tersebut bagi pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 1 yang baru.

- (b) Kos yang diperlukan untuk membina laluan akses dianggarkan oleh pihak JKR Daerah Timur Laut sebanyak RM250,000.00. Kos tersebut terlalu tinggi, memandangkan terdapat banyak fasiliti kesihatan di daerah Timur Laut sudah uzur, jabatan ini mengutamakan untuk membaik pulih fasiliti yang mengalami kerosakan bangunan dan sistem kejuruteraan seperti struktur bangunan yang rosak, kerja pembaikan kerosakan bumbung, pembaikan sistem pencegahan kebakaran serta melaksanakan kerja pendawaian semula di klinik-klinik di daerah Timur Laut. Kerja-kerja tersebut menjadi keutamaan jabatan ini adalah bagi memastikan fasiliti kesihatan dapat berfungsi dengan baik serta memastikan keselamatan pesakit dan kakitangan dalam keadaan baik sekiranya berlaku sebarang kesulitan atau kecemasan.

Pihak pengurusan klinik kesihatan telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyumbang kepada kesesakan di Klinik Kesihatan Sungai Dua, Timur Laut dan mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

Bil.	Faktor	Langkah-langkah Penambahbaikan
1.	Pesakit ‘walk in’ dan temujanji datang pada waktu puncak yang sama, menyebabkan terlalu ramai pesakit di klinik pada masa tersebut.	Pesakit diberi temujanji mengikut ‘staggered timing’. Temujanji semua pesakit diberi mengikut slot yang tersedia dalam Sistem e-Temujanji.
2.	Sistem pendaftaran, pemberian temujanji pesakit dan pencarian kad pesakit adalah secara manual yang menyumbang kepada peningkatan waktu menunggu semasa pendaftaran pesakit.	Pengenalan dan penggunaan inovasi yang diperkenalkan oleh Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang iaitu Sistem Pendaftaran Pelanggan (e-SPP) dan Sistem e-Temujanji (e-Temujanji) dapat memendekkan masa semasa pendaftaran pesakit. Kad/buku pesakit temujanji dicari sehari sebelum temujanji pula memendekkan masa menunggu pesakit.
3.	Tempoh masa yang agak panjang diambil untuk mencari keputusan darah pesakit semasa temujanji.	Keputusan darah pesakit dicari dan dimasukkan dalam buku pesakit sebelum temujanji pesakit yang dapat memendekkan masa pesakit berjuma doktor.
4.	Pesakit memilih untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Sungai Dua (TL) kerana terdapat Pakar Perubatan Keluarga atau terdapat pelanggan	Seorang Pakar Perubatan Keluarga telah ditempatkan secara kekal di Klinik Kesihatan Bukit Jambul agar pelanggan yang tinggal berdekatan di klinik ini dapat menerima rawatan Pakar berbanding sebelum ini yang perlu ke Klinik Kesihatan Sungai Dua (TL) atau perlu

	<p>yang tidak tahu terdapat klinik kerajaan berdekatan yang lain.</p>	<p>menunggu giliran temujanji untuk berjumpa Pakar yang datang secara berkala di Klinik Kesihatan Bukit Jambul.</p> <p>Pelanggan-pelanggan di Klinik Kesihatan Sungai Dua (TL) juga digalakkan untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik kerajaan lain berdekatan tempat tinggal mereka iaitu Klinik Kesihatan Bukit Jambul, Klinik Kesihatan Gelugor dan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Taman Tun Saadon.</p>
--	---	--

- (a) Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut bercadang untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Sungai Dua, Timur Laut kepada Klinik Kesihatan Jenis 1 yang dapat menampung pesakit yang lebih ramai. Walau bagaimanapun, masalah utama yang dihadapi adalah tiada tapak yang sesuai di kawasan klinik sedia ada untuk projek naik taraf dan tiada tanah milik Kementerian Kesihatan Malaysia di kawasan tersebut bagi pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 1 yang baharu.
- (b) Pada masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) tidak mempunyai perancangan untuk membina laluan akses yang bersesuaian untuk kenderaan keluar dan masuk di Klinik Kesihatan Sungai Dua, Timur Laut memandangkan kos yang dianggarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Timur Laut untuk membina laluan akses adalah terlalu tinggi iaitu sebanyak RM250,000.00. Memandangkan terdapat banyak fasiliti kesihatan di Daerah Timur Laut yang sudah uzur, pada masa ini JKN mengutamakan kerja-kerja membaik pulih fasiliti yang mengalami kerosakan bangunan dan sistem kejuruteraan seperti struktur bangunan yang rosak, kerja pembaikan kerosakan bumbung, pembaikan sistem pencegahan kebakaran serta melaksanakan kerja pendawaian semula di klinik-klinik di Daerah Timur Laut. Kerja-kerja tersebut menjadi keutamaan JKN untuk memastikan fasiliti kesihatan dapat berfungsi dengan baik serta menjamin

keselamatan pesakit dan kakitangan sekiranya berlaku sebarang kesulitan atau kecemasan.